

Tasawwur  
Islam  
Kertas 1  
Oktober  
2016  
11/4 Jam

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM  
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

---

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN  
TINGKATAN 4 2016**

**TASAWWUR ISLAM  
Kertas 1  
Satu Jam Lima Belas Minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **Bahagian B** pada **Kertas 1**
3. Hitamkan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan pada halaman belakang dalam kertas soalan ini
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Bahagian	Markah
A	
B	
JUMLAH	

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

---

[ Lihat halaman sebelah

Jawab **semua** soalan.  
Masa 1 jam 15 Minit

**Bahagian A**  
[20 markah]

Sifat semulajadi yang ada pada setiap kejadian Allah SWT

1. Pengertian diatas menerangkan maksud

- A Hakiki
- B Naluri
- C Azali
- D Fitrah

- Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati
- Paksi utama tauhid ini ialah kalimah syahadah
- Orang yang tidak beriman dengan tauhid ini akan menjadi sesat

2. Pernyataan diatas menerangkan konsep tauhid

- A Waqiyah
- B Uluhiyyah
- C Rububiyah
- D Syumuliyah

3. Berikut merupakan unsur-unsur yang mencemarkan kesucian Islam, kecuali

- A Fahaman mulhid
- B Pengaruh asing
- C Ajaran Sesat
- D Adat Istiadat

4. Penggunaan akal tanpa bimbingan daripada wahyu tidak mampu menyelesaikan masalah kerana

- A Akal manusia mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu
- B Akal manusia membolehkan manusia membina tamadun
- C Akal manusia dapat membezakan antara baik dengan buruk
- D Akal manusia sentiasa berkembang mengikut perkembangan manusia

5. Manakah antara berikut pemikiran yang menepati kehendak syarak

- I Memikirkan kejadian alam
  - II Mengasaskan fahaman mulhid
  - III Mengkaji kewujudan dan kekuasaan Allah SWT
  - IV Mencipta peralatan baru untuk kemudahan manusia
- A I, II dan III
  - B 1, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

6. Nyatakan kekurangan penyelesaian masalah yang berpandukan akal semata-mata

- A Bersesuaian dengan kehendak manusia
- B Menepati dengan kehendak Allah SWT
- C Bersifat menyeluruh
- D Sentiasa berubah-ubah

- 7 Berikut merupakan ciri ajaran sesat kecuali
- A Kepercayaan kepada rukun iman dan Islam
  - B Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan hadis
  - C Mengadakah bidaah dan pendapat baru dalam ibadat
  - D Mentafsir dan mernghuraikan al-quran dan hadis sesuka hati
- 8 Maksum bermaksud para nabi dan rasul terpelihara daripada
- A Perbuatan fitnah
  - B Sebarang kesilapan
  - C Sebarang kelemahan
  - D Melakukan dosa kecil dan besar
- Persaudaraan Islam adalah berasaskan ketakwaan kepada Allah SWT
- 9 Persaudaraan Islam yang berasaskan ketakwaan boleh dicapai melalui
- A Mengziarahi orang mati
  - B Mengadakan majlis sambutan hari raya
  - C Menghadiri majlis kenduri kesyukuran
  - D Menganjurkan majlis tilawah al-Quran
- 10 Ilmu yang berkaitan dengan kepentingan hidup di dunia yang membawa faedah kepada manusia dan alam ialah ilmu
- A falak
  - B fekah
  - C fardu ain
  - D fardu kifayah
- 11 Berikut merupakan fungsi akal dalam mengenal Allah SWT Kecuali
- A Mengkaji tentang zat Allah SWT
  - B Memahami dan mempelajari wahyu
  - C Berfikir mengenai Kebesaran Allah SWT dalam kejadian alam
  - D Berfikir tentang kesempurnaan syariat yang diciptakan oleh Allah SWT
- 12 Antara berikut yang manakah merujuk kepada ajaran Islam.
- i Lengkap dan menyeluruh.
  - ii Sesuai dengan fitrah manusia.
  - iii Hasil daripada pemikiran seseorang.
  - iv Diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w.
- A i, ii dan iii
  - B i, ii dan iv
  - C i, iii dan iv
  - D ii, iii dan iv
- 13 Antara berikut yang manakah cara untuk menangani ancaman budaya asing?.
- i Menjauhi amalan-amalan negatif
  - ii Memperkukuhkan akidah dan keimanan
  - iii Menonton filem-filem luar negara yang canggih
  - iv Mendalami ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang
- A i , ii dan iii
  - B i , ii dan iii
  - C i , ii dan iv
  - D ii , iii dan iv

- 14 Pernyataan berikut adalah benar mengenai peranan hadis, **kecuali**
- A menguatkan nas al-Quran yang ringkas
  - B menjadi sumber rujukan Islam yang pertama
  - C menentukan maksud nas al-Quran yang umum
  - D menguatkan hukum-hukum yang telah ditetapkan al-Quran

- 15 Berikut adalah ciri-ciri ajaran sesat, **kecuali**
- A percaya bahawa Allah SWT mempunyai keluarga, anak dan isteri
  - B percaya bahawa Allah SWT sahaja yang layak disembah
  - C percaya solat boleh ditunaikan secara niat sahaja
  - D percaya alam ini bersifat qadim

- 16 Berikut adalah akibat ajaran sesat kepada masyarakat, **kecuali**
- A memutuskan tali persaudaraan
  - B melakukan pembunuhan
  - C tergelincir akidah individu
  - D keretakan rumah tangga

- 17 Prinsip-prinsip Rabbaniyyah ialah
- i Islam menjamin hak asasi manusia
  - ii Islam adalah agama yang diwahyukan Allah s.w.t.
  - iii Islam dan seluruh makhluk adalah hak milik Allah s.w.t.
  - iv Islam menekankan keseimbangan hidup di dunia dan di akhirat
- A i dan ii
  - B ii dan iii
  - C iii dan iv
  - D i dan iv

- 18
- |  |
|--|
| X  |
| Bersifat praktikal dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia |

Merujuk kepada pernyataan di atas, X ialah

- A Syumuliyah
  - B Rabbaniyyah
  - C Waqiiyyah
  - D Murunah
- 19 Kelebihan sifat murunah ialah
- i menarik minat orang bukan Islam
  - ii memastikan sifat riak berkembang
  - iii memastikan kesinambungan ajaran Islam
  - iv menunjukkan sifat toleransi dan berhemah
- A i, ii dan iii
  - B i, ii dan iv
  - C i, iii dan iv
  - D ii, iii dan iv
- 20 Antara berikut yang manakah bersifat murunah ?.

- A Fesyen berpakaian
- B Perkara-perkara yang melibatkan maruah diri
- C Perkara-perkara akidah yang melibatkan konsep kewujudan, Allah s.w.t..
- D Hukum-hukum syariah yang melibatkan perkara-perkara wajib, halal dan haram.

## Bahagian B

[20 markah]

### Soalan 21 hingga 24

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruang yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

Liberalisme	Kapitalisme	Materialisme
Ajaran sesat	Athiesme	Sekularisme

- 21 Fahaman yang memberikan kebebasan yang terlalu ekstrim kepada individu dalam mencari dan mengumpul harta kekayaan
- 22 Fahaman yang mempercayai bahawa bendalah yang menyebabkan terjadinya segala sesuatu di dunia ini.
- 23 Amalan yang dibawa sama ada oleh orang Islam atau bukan Islam yang bercanggah dengan al-Quran dan hadis
- 24 Fahaman yang mengasingkan antara agama daripada urusan keduniaan

### Soalan 25 hingga 28

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

1	4	5
20	25	30

- 25 Allah SWT mempunyai \_\_\_\_\_ sifat harus
- 26 Bilangan rasul yang bergelar ulul azmi ialah seramai \_\_\_\_\_ orang
- 27 Sifat wajib bagi Allah SWT yang wajib diimani ialah sebanyak \_\_\_\_\_ sifat
- 28 Bilangan kitab yang diturunkan oleh Allah SWT ialah sebanyak \_\_\_\_\_ buah

**Soalan 29 hingga 32**


Tulis jawapan yang betul berdasarkan cadangan yang disediakan dibawah

Maunah	Istidraj	Irhas	Sihir	Karamah	Mukjizat
--------	----------	-------	-------	---------	----------

No	Pernyataan	Contoh	Jawapan
29	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT	Siti Mariam (ibu Nabi Isa) dianugerahi makanan daripada syurga	
30	Perkara luarbiasa yang berlaku kepada bakal rasul semasa mereka kecil	Awan melindungi Nabi Muhammad semasa baginda berjalan di padang pasir	
31	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang biasa	Ali terlibat dengan kemalangan dasyhat tetapi hanya cedera ringan sahaja	
32	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang biasa melalui pertolongan jin dan syaitan	Bazli mempunyai ilmu kebal yang tidak lut senjata	

**Soalan 33 dan 34**

Carta A dibawah merujuk kepada prinsip negara Islam




33. P ialah \_\_\_\_\_

34. Q ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 35 dan 36**

**Carta B dibawah merujuk kepada sumber kehakiman dalam Islam**



**Berdasarkan carta diatas**

35. R ialah \_\_\_\_\_

36. S ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 37 hingga soalan 40**

**Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang betul**

**Tandakan ( × ) pada pernyataan yang salah.**

37 Ilmu fardu Ain ialah ilmu yang wajib dituntut oleh sebahagian daripada umat Islam sahaja

38 Antara ciri-ciri ajaran sesat ialah menerapkan kehidupan beragama daripada kehidupan seharian

39 Sistem sosial Islam ialah perhubungan sesama manusia melalui ikatan hukum Allah SWT untuk mencapai kehidupan bermasyarakat yang harmoni dan aman

40 Piagam Madinah merupakan undang-undang jenayah Islam yang telah digubal oleh Rasulullah bagi menangani masalah jenayah di kota Madinah

**BAHAGIAN B**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**KERTAS JAWAPAN**

**Bahagian A**

- 1  A  B  C  D
- 2  A  B  C  D
- 3  A  B  C  D
- 4  A  B  C  D
- 5  A  B  C  D
- 6  A  B  C  D
- 7  A  B  C  D
- 8  A  B  C  D
- 9  A  B  C  D
- 10  A  B  C  D

- 11  A  B  C  D
- 12  A  B  C  D
- 13  A  B  C  D
- 14  A  B  C  D
- 15  A  B  C  D
- 16  A  B  C  D
- 17  A  B  C  D
- 18  A  B  C  D
- 19  A  B  C  D
- 20  A  B  C  D

<b>BAHAGIAN A</b>